



KEMENTERIAN KERJA RAYA & JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



KURSUS *LESSONS LEARNED*
PENGAUDITAN PROJEK PEMBINAAN KKR/JKR MALAYSIA
23 – 25 SEPTEMBER 2013
FLAMINGO HOTEL BY THE BEACH, PULAU PINANG

LESSONS LEARNED
TERHADAP
PENGAUDITAN PROJEK-PROJEK
YANG DILAKSANAKAN
OLEH
KKR DAN JKR MALAYSIA

DISEDIAKAN OLEH :

BAHAGIAN AUDIT TEKNIKAL
CAWANGAN PENGURUSAN KORPORAT
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA



Jabatan Kerja Raya Malaysia


www.jkr.gov.my

Public Works Department MALAYSIA





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2011



Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan

KANDUNGAN

Bahagian I

**Pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan
Kerajaan Persekutuan**

Bahagian II

Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan


Bahagian III

**Tindakan Susulan Yang Belum Selesai Terhadap
Syor Yang Dikemukakan Dalam Laporan Ketua
Audit Negara Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2011 (Samb..)



Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan

KANDUNGAN

Bahagian I

Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan

Bahagian II

Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan

Bahagian III

Penglibatan Jabatan Audit Negara Dalam Pelbagai Aktiviti Ke Arah Meningkatkan Akauntabiliti Pengurusan Wang Awam

Bahagian IV

Perkara Am





AKTIVITI JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN



GAMBAR-GAMBAR PENEMUAN AUDIT DI TAPAK BINA

KAJIAN AUDIT DALAM KKR TERHADAP PENGURUSAN KHIDMAT PENGANGKUTAN MELALUI KONTRAK KERJA DI JABATAN KERJA RAYA

PENGURUSAN PEMBINAAN DAN PEROLEHAN PERALATAN PEMBELAJARAN PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC)

PROJEK MENAIKTARAF KERETAPI BUKIT BENDERA, PULAU PINANG

PEMBINAAN PEJABAT DAN KUARTERS METEOROLOGI, GONG KEDAK, TERENGGANU DAN KUALA KRAI, KELANTAN





Gambar-Gambar Penemuan Audit Di Tapak Bina

Pemeriksaan dan pemerhatian yang dibuat antaranya ialah:

- Adakah mutu kerja yang dilaksanakan memuaskan, mengikut spesifikasi dan lukisan?
- Ujian-ujian dan pemeriksaan yang dilaksanakan
- Ketidakpatuhan, ketidaksempurnaan, kecacatan dan kerosakan yang timbul terutama selepas pembinaan siap







Kejuruteraan Awam

Penemuan di Tapak


a. Pemasangan Siling Gantung Secara Tertutup (Conceal Ceiling System / Plaster Ceiling)



Gambar 1:
Sistem penggantungan siling mengikut **spesifikasi JKR**



Gambar 2:
Penggantungan plasterboard ceiling menggunakan rigidized furring channel keluaran Saint-Gobain Construction Products (M) Sdn. Bhd. yang **dicadangkan oleh kontraktor.**



Gambar 3:
Penggantungan plasterboard ceiling menggunakan normal furring channel yang dibekalkan oleh HITEC Ceiling Manufacturing Sdn. Bhd. yang **digunakan di tapak**



Kejuruteraan Awam (Samb..)

Penemuan di Tapak

a. Pemasangan Siling Gantung Secara Tertutup (Conceal Ceiling System / Plaster Ceiling) Samb..

Deskripsi	Spesifikasi JKR (sebagaimana dokumen kontrak) (Gambar 1)	Cadangan Kontraktor Yang Diluluskan Oleh JKR (Gambar 2)	Penemuan Di Tapak (Gambar 3)
Hanger	i. $\geq 5\text{mm}$ dia. Rod	37mm x 16mm x 0.4mm (Rigidized furring channel)	37mm x 10mm x 0.4mm (Normal furring channel)
Primary member	i. 0.55 mm thick ii. 250 N/mm ² <i>characteristic Strength</i>	i. 37mm x 16mm x 0.4mm ii. 300 N/mm ² <i>characteristic strength</i>	C-channel: i. 0.4 mm thick ii. Tidak dinyatakan <i>characteristic strength</i>
Secondary member	i. 0.5 mm thick ii. 250 N/mm ² <i>characteristic Strength</i>	i. 37mm x 16mm x 0.4mm ii. 300 N/mm ² <i>characteristic strength</i>	

JADUAL 1

PERBEZAAN ANTARA SPESIFIKASI JKR, CADANGAN KONTRAKTOR DAN PENEMUAN DI TAPAK



Kejuruteraan Awam (Samb..)

Penemuan di Tapak

b. Kerja Penanaman Rumput dan Kerja Tanah



Gambar 4:
Ruang Antara
Bebendul Jalan dan
Longkang Tidak
Ditanam Rumput



Gambar 5:
Penanaman Rumput Yang
Tidak Sempurna



Gambar 6:
Kesan Hakisan dan
Mendapan Tanah



Kejuruteraan Awam (Samb..)

Penemuan di Tapak (Samb..)

c. Scupper Drain



Gambar 7:

Aras Dasar *Scupper Drain* Lebih Tinggi
Dari Aras Jalan



Gambar 8:

Penutup Sementara *Scupper Drain*
Tidak Ditanggalkan



Kejuruteraan Awam (Samb..)

Penemuan di Tapak (Samb..)

d. Penutup Longkang



Gambar 9:
Penutup Longkang Yang Tidak Sempurna



Kejuruteraan Awam (Samb..)

Penemuan di Tapak (Samb..)

e. Sump Grating



Gambar 10:
Grating Tidak Sesuai Dengan Sump



Kejuruteraan Struktur


Penemuan di Tapak

a. Saiz Anak Tangga Yang Tidak Sama Dengan Lukisan



Gambar 11:

Tinggi Anak Tangga Yang Dibina di
tapak 230mm



Gambar 12:

Tinggi Anak Tangga di dalam
Lukisan 150mm



Kejuruteraan Mekanikal

Penemuan di Tapak

a) Penyambungan Paip Air Dalam Yang Tidak Mematuhi Spesifikasi

- Penggunaan paip *stainless steel* dan pemasangan (*fitting*) jenis *SCH 40S*, tidak sepatutnya menggunakan penyambungan dengan kaedah kimpalan. Mengikut piawai dan prosedur penyambungan adalah menggunakan kaedah *screw joint*.
- Kerja penyambungan kimpalan paip juga tidak dilaksanakan oleh pekerja yang berkelayakan dan mempunyai sijil kimpalan (*competent person*). Tiada rekod *method statement* dan sijil *competent person* ditemui.



Gambar 13:

Kimpalan Paip *Stainless Steel* Yang Tidak Mengikut Spesifikasi dan Prosedur Kimpalan Yang Betul



Kejuruteraan Mekanikal (Samb..)

Penemuan di Tapak (Samb..)

b) Saiz Pemasang (*Fitting*) Yang Tidak Mematuhi Rekabentuk

- Saiz *fitting* tidak mengikut saiz paip dan tidak menggunakan *fitting* bagi paip yang bercabang. Ini akan mengakibatkan aliran air dalam paip tidak mengikut spesifikasi rekabentuk yang ditetapkan dan menjejaskan kecekapan operasi pam air.



Gambar 14:

Penggunaan Saiz Pemasang (*Fitting*) Yang Lebih Kecil Dari Saiz Paip Yang Tidak Boleh Menggunakan Kaedah Kimpalan



Gambar 15:

Tidak Menggunakan *Fitting* Jenis *Elbow* Bagi Penyambungan Paip



Gambar 16:

Tidak Menggunakan *Fitting* Jenis *Tee* Bagi Penyambungan Paip



Kejuruteraan Mekanikal (Samb..)

Penemuan di Tapak (Samb..)

c) Penggunaan Jenis Paip Yang Tidak Mematuhi Rekabentuk Bagi Paip Dari Pam Ke Tangki Simpanan di Blok Klinik Kesihatan

- Paip di Rumah Pam menggunakan paip jenis ABS bersaiz 50mm diameter. Sepatutnya menggunakan paip *Stainless Steel* bersaiz 80mm diameter mengikut rekabentuk dan lukisan pembinaan seperti di dalam nota. Perbezaan saiz ini akan menjejaskan kecekapan operasi pam air.



Gambar 17:

Pemasangan Jenis Dan Saiz Paip Yang Tidak Mematuhi Lukisan Pembinaan/Rekabentuk

NOTA

- SEMUA TANGKI SIMPANAN dan SEDUTAN ADALAH DARI JENIS 'FIBREGLASS REINFORCE POLYESTER' (FRP) LENGKAP DENGAN PENUTUP, TANGGA LUAR DAN DALAM, TAPAK KELINCI KELULU DAN RASUK TOPANG KONKRIT TETULANG MENGIKUT SEPERTIMANA SPESIFIKASI PENGELUAR.
- PEMASANGAN DAN PERINCIAN KESEMUA KELENGKAPAN SEPERTI DI NO. 1 DI ATAS HENDAKLAH DIRUJUK KEPADA PERINCIAN PEMBEKAL.
- KEDUDUKAN YANG TEPAT BAGI PAIP PEMBEDAH, PAIP LIMPAN DAN PAIP AMALAN PADA SISTEM TANGKI SIMPANAN HENDAKLAH DITETAPKAN DI TAPAK OLAH PEGAWAI PENGUASA.
- PENYAMBUNGAN BAGI SALURAN PAIP MENGEPAH (PAIP BAWAH TANAH) DARIPADA TANGKI SEDUTAN KE TANGKI SIMPANAN HENDAKLAH DARI JENIS STAINLESS STEEL.
- PAIP DALAM BLOK KLINIK KESIHATAN ADALAH DARI JENIS 'STAINLESS STEEL' DAN KUARTERS ADALAH DARI JENIS ABS, PAIP BERGARISPUAT DARI 10mm -20mm (NOMINAL) HINGGA PAIP BERGARISPUAT DARI 25mm - 150mm (NOMINAL).

Gambar 18:

Nota Pemasangan Sistem Paip Air Dalam Lukisan Pembinaan





Kejuruteraan Mekanikal (Samb..)

Penemuan di Tapak (Samb..)

d) Penggantungan Siling Tidak Mematuhi Spesifikasi

- Penggantungan sistem siling di dalam ruang siling di Blok Klinik Kesihatan telah digantung terus pada penyokong sesalur penyaman udara bukannya terus kepada soffit lantai.



Gambar 19:
Penggantungan Yang Tidak Mematuhi Spesifikasi




Kejuruteraan Mekanikal (Samb..)

Penemuan di Tapak (Samb..)

e) Pemasangan Paip Air Sanitari

- Saluran paip air sanitari di Kuarters Kelas D merentasi ruang lantai bilik di aras bawah. Ini boleh menyebabkan ketidakselesaan kepada penghuni apabila berlaku kebocoran pada paip.



Gambar 20:

Paip air sanitari merentasi Rasuk Bilik Tidur



Kejuruteraan Elektrik

Laporan Tahap Ketersediaan Penerimaan Bangunan

- NCR telah dikeluarkan oleh Unit Pengurusan Aset, Bahagian Senggara Persekutuan Negeri JKR Terengganu pada 20 Disember 2012 iaitu melibatkan pemasangan Papan Agihan (DB) Elektrik di tempat yang terbuka dan pemasangan peti surat pada jeriji besi berhampiran soket elektrik Blok Kuarters Kelas F.
- WPP Utama telah memberi arahan kepada kontraktor untuk melakukan kerja-kerja pembaikan. Bagaimanapun, didapati kerja-kerja berkenaan masih belum dilaksanakan pada tarikh audit dibuat.



Gambar 21:

Pemasangan Papan Agihan (DB) Elektrik dan pemasangan peti surat pada jeriji besi berhampiran soket elektrik yang masih belum dibuat pembaikan oleh kontraktor



Kejuruteraan Elektrik (Samb..)

Penemuan di Tapak

a) Pemasangan Kipas Siling dan Struktur Rasuk di Blok Kuarters Kelas D dan G

- Terdapat struktur rasuk berdekatan dengan kedudukan kipas siling di dalam bilik tidur aras bawah Blok Kuarters Kelas D dan di ruang tamu Blok Kuarters Kelas G. Kedudukan struktur rasuk di tengah-tengah ruang di mana kipas siling dipasang akan mengganggu aliran angin dalam ruang tersebut.



Gambar 22:

Kedudukan Kipas Siling Di Bawah Struktur Rasuk Di Bilik Tidur Kuarters Kelas D



Gambar 23:

Kedudukan Kipas Siling Di Bawah Struktur Rasuk Di Ruang Tamu Kuarters Kelas D



Kejuruteraan Elektrik (Samb..)

Penemuan di Tapak (Samb..)

b) Pemasangan Lampu Berdekatan Dengan Punca Air

- Terdapat pemasangan paip sanitari berdekatan dengan punca elektrik dan memasuki ruang bilik elektrik di bilik aras bawah Blok Kuarters Kelas G.



Gambar 24:
Pemasangan Lampu Berdekatan
Paip Sanitari Di Stor Aras Bawah
Kuarters G



Gambar 25:
Paip Sanitari Di Pasang Di Dalam
Bilik Telefon Blok Kuarters G



Arkitek

Penemuan Di Tapak

a) Kurang Koordinasi/Penyelarasan Antara Kerja Kontraktor & NSC

- Tiada koordinasi di antara NSC yang dilantik dengan kontraktor bagi kerja-kerja elektrik dan kerja-kerja WPS *signages*.



Gambar 26:

Pemasangan Soket Yang Tidak Selari,
Senget dan Kerja *Touch-Up* Yang Tidak
Memuaskan



Gambar 27:

Pemasangan *White Board* Di Atas Tiang
Yang Tidak Dikoordinasikan Dengan Baik di
Antara Kedua-Dua Pihak Kontraktor





Arkitek (Samb..)

Penemuan Di Tapak (Samb..)

a) Kurang Koordinasi/Penyelarasan Antara Kerja Kontraktor & NSC (Samb..)



Gambar 28:

Pemasangan *Digital Call System* Di
Jabatan X-Ray Sepatutnya Menggunakan
Jenis Gantung



Gambar 29:

Pemasangan Kod Pintu Sepatutnya
Dipasang Pada Bingkai Pintu Dan
Bukan Pada Dinding



Arkitek (Samb..)

Penemuan Di Tapak (Samb..)

b) Komponen Susur Tangan Blok Kuarters Kelas D dan G



Gambar 30:
Binaan Susur Tangan Menembusi
Tangga




Gambar 31:
Gap Bawah Susur Tangga Yang
Terlalu Luas



Arkitek (Samb..)

Penemuan Di Tapak (Samb..)

c) Komponen Susur Tangan Blok Kuarters Kelas D dan G (Samb..)



Gambar 32:

Tiada Jurang Langsung di antara Lantai dan Susur Tangan



Gambar 33:

Ketinggian Susur Tangan Yang Rendah (Sepatutnya Mengikut Lukisan 1200mm)




Arkitek (Samb..)

Penemuan Di Tapak (Samb..)

d) Kesalahan Pemasangan Kunci *Grilles*

- Kunci bagi *grilles* yang disediakan tidak mengikut lukisan pembinaan. Kunci *grilles* sepatutnya dari jenis yang mematuhi keperluan bomba.



Gambar 34:

Kunci *Grilles* Tidak Mengikut Lukisan Pembinaan



Arkitek (Samb..)

Penemuan Di Tapak (Samb..)

e) Lepaan Dinding Yang Tidak Sekata/Tidak Memuaskan



Gambar 35:

Lepaan Pada Dinding Yang Tidak Sekata Dan *Chipping* Pada Buka-an-Bukaan Tingkap Klinik



Arkitek (Samb..)

Penemuan Di Tapak (Samb..)

f) Pemasangan Siling Gantung Yang Tidak Memuaskan



Gambar 36:

Alignment Siling Yang Kurang Memuaskan Serta *Sagging* Pada Sesetengah Bahagian



Arkitek (Samb..)

Penemuan Di Tapak (Samb..)

g) Pemasangan Pintu Yang Tidak Memuaskan



Gambar 37:

Pintu Dan *Ironmongeries* Yang Dipasang Dengan Tidak Kemas Pada Bilik Pemeriksaan
(Terdapat Gap Yang Ketara)



Arkitek (Samb..)

Penemuan Di Tapak (Samb..)

h) Pemasangan *Sanitary Fittings* Yang Tidak Memuaskan



Gambar 38:

Pemasangan *Sanitary Fittings* Yang Senget dan Tidak Lurus



Arkitek (Samb..)

Penemuan Di Tapak (Samb..)

i) Pemasangan *PVC Folding Door* di Tandas Bercanggah Lukisan Pembinaan (Samb..)



Gambar 39:

PVC Folding Door Yang Digunakan (Sepatutnya Jenis *Swing Door*) Di Tandas Di Blok Klinik Kesihatan



Arkitek (Samb..)

Penemuan Di Tapak (Samb..)

j) Komponen Siling - Bilik-Bilik Penghawa Dingin Beroperasi 24 Jam



Gambar 40:

Penggunaan *Cement Board Superflex* Pada Bilik *Analyzer* Dan Bilik X-Ray



KEMENTERIAN KERJA RAYA & JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



KAJIAN AUDIT TERHADAP PENGURUSAN KHIDMAT PENGANGKUTAN MELALUI KONTRAK KERJA DI JABATAN KERJA RAYA

(Laporan Ketua Audit Dalam KKR 2013)

Jabatan Kerja Raya Malaysia

www.jkr.gov.my



Public Works Department MALAYSIA





LATAR BELAKANG

- ❖ Perolehan bagi penggunaan khidmat pengangkutan boleh dibuat melalui peruntukan di bawah Kerja-kerja Awalan (*Preliminaries*) bagi sesuatu kontrak kerja yang bertujuan memudahkan pengurusan projek.
- ❖ Pihak kontraktor dikehendaki menyediakan khidmat pengangkutan yang termasuk membekal kenderaan, menyediakan pemandu dan menyenggara kenderaan tersebut.
- ❖ Setelah projek siap, kenderaan tersebut akan diserahkan semula kepada kontraktor.
- ❖ Kemudahan pengangkutan diluluskan berdasarkan kepada kos kontrak.





OBJEKTIF, SKOP & METODOLOGI AUDIT





OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan terhadap khidmat pengangkutan melalui kontrak kerja telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan.

SKOP DAN METODOLOGI AUDIT

Meliputi aspek pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan khidmat pengangkutan melalui kontrak kerja yang dilaksanakan oleh JKR.





SKOP DAN METODOLOGI AUDIT (Samb..)

- ❖ Skop pengauditan melibatkan 2 kategori iaitu:
 - i. Pengurusan Kenderaan Bagi Projek Yang Masih Dalam Pembinaan/Pelaksanaan
 - Sebanyak 16 projek dipilih sebagai sampel Audit.
 - 11 projek melibatkan JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya (WPP)
 - 5 projek melibatkan Cawangan Pendidikan & Pengajian Tinggi (CPPT)
 - Jumlah kenderaan yang terlibat adalah sebanyak 25 buah.





SKOP DAN METODOLOGI AUDIT (Samb..)

ii. Pengurusan Kenderaan Bagi Projek Yang Telah Siap

- Bagi projek yang telah siap dalam tahun 2010 hingga 2012, semakan telah dibuat terhadap status pemulangan kenderaan kepada kontraktor dan pemilikan kenderaan selepas tarikh penyerahan.
- Semakan status pemilikan telah dibuat di JPJ Ibu Pejabat bagi **59 buah kereta dan 11 buah motosikal**.





PENEMUAN





**1. KETIDAKPATUHAN KEPADA SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 13
TAHUN 1999 (SPP 13/1999)**

**i. TIDAK MEMENUHI KRITERIA DI SPP 13/1999 UNTUK MENDAPATKAN KHIDMAT
PENGURUSAN PENGANGKUTAN.**

KRITERIA

Perenggan 3.1.1.1 SPP Bil. 13/1999, menyatakan syarat bagi projek yang melayakkan diberi kemudahan pengangkutan adalah dibenarkan bagi kontrak kerja yang bernilai melebihi RM500,000 dan kenderaan jabatan sedia ada tidak mencukupi serta memenuhi salah satu kriteria seperti yang berikut:

- a) Jalan masuk yang tidak berturap dan sukar dilalui dan hanya boleh dilalui oleh kenderaan pacuan 4 roda; atau
- b) Melibatkan pembinaan kompleks bangunan dan kawasan tapak bina yang luas (melebihi 40 ekar); atau
- c) Pembinaan projek berbentuk *linear* yang tidak ada akses di sepanjang jajarannya melebihi 1 km; atau
- d) Melibatkan kawasan tapak bina yang sukar dilalui seperti berbukit bukau, berpayau dan sebagainya.





**1. KETIDAKPATUHAN KEPADA SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 13
TAHUN 1999 (SPP 13/1999) (Samb..)**

**a. KONTRAK KERJA PENYELENGGARAAN – SPP 13/1999 TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN**

KRITERIA

Perolehan kerja adalah melibatkan kerja-kerja industri binaan, mekanikal dan elektrik seperti pembinaan bangunan, lapangan terbang, pelabuhan, jalan raya, tapak kawasan dan empangan air serta kerja perparitan.

Jenis-jenis kerja dalam industri binaan terbahagi kepada 2 :

- i. Kerja Pmbinaan Bangunan dan
- ii. Kerja Kejuruteraan Awam (semua pembinaan selain daripada kategori bangunan)

Manakala **Perolehan Perkhidmatan** adalah ditafsirkan sebagai **khidmat tenaga manusia atau kepakaran untuk melaksanakan dan menyiapkan sesuatu projek tertentu.**





1. KETIDAKPATUHAN KEPADA SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 13 TAHUN 1999 (SPP 13/1999) (Samb..)

KRITERIA

Bidang Perkhidmatan Yang Tidak Boleh Dibekalkan dengan Kenderaan:

- i. **Perkhidmatan Perunding** – Perkhidmatan perunding meliputi semua jenis kajian seperti ekonomi, penswastaaan, pengurusan, pembangunan fizikal yang memerlukan input seperti senibina, kejuruteraan dan kerja-kerja ukur bangunan, perundingan dan perkhidmatan kepakaran dalam bidang khusus seperti alam sekitar, pertanian, pengurusan projek dan sebagainya.
- ii. **Perkhidmatan Bukan Perunding** – Meliputi perkhidmatan seperti pengendalian, **penyenggaraan dan pembaikan**, pencucian dan pembersihan, penyewaan dan pengurusan bangunan, pengiklanan, pengangkutan dan sebagainya.






1. KETIDAKPATUHAN KEPADA SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 13 TAHUN 1999 (SPP 13/1999) (Samb..)

PENEMUAN AUDIT

- 9 daripada 11 sampel yang dipilih di bawah penyeliaan JKR WPP merupakan kontrak penyelenggaraan, manakala 2 adalah berkaitan dengan projek pembinaan;
- Pihak Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak (JKPMK) peringkat Cawangan telah memberi kelulusan kepada 9 sampel kontrak penyelenggaraan tersebut untuk menerima khidmat pengangkutan melalui kontrak kerja walaupun didapati tidak menepati kriteria;
- 8 projek mengemukakan justifikasi sebagai '**masalah akses ke tapak bina**' bagi menggantikan kriteria 'Jalan masuk yang tidak berturap dan sukar dilalui dan hanya boleh dilalui oleh kenderaan pacuan 4 roda;
- Justifikasi ini tidak benar kerana semua pihak sedia maklum bahawa tiada masalah akses di Putrajaya dan jalan raya di sekitar Putrajaya adalah baik, berturap dan mudah dilalui menggunakan kenderaan biasa;





1. KETIDAKPATUHAN KEPADA SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 13 TAHUN 1999 (SPP 13/1999) (Samb..)

PENEMUAN AUDIT

- Berdasarkan temu bual dengan pihak JKR WPP, mereka mentafsirkan 'penyelenggaraan' sebagai 'kerja' yang dilaksanakan kerana melibatkan 'kerja sivil, teknikal dan mekanikal';
- Satu lagi justifikasi yang digunakan adalah '**melibatkan kompleks bangunan dan keluasan tapak melebihi 40 ekar**' juga adalah tidak benar; dan
- Kriteria yang sepatutnya adalah '**melibatkan pembinaan kompleks bangunan dan kawasan tapak bina yang luas (melebihi 40 ekar)**'.



SENARAI PROJEK PENYELENGGARAAN YANG TELAH DILULUSKAN KHIDMAT PENGANGKUTAN

Bil.	Nama Projek	Harga Kontrak Asal	Bilangan Kenderaan Projek/Kos	Pelulus JKPMK Peringkat Cawangan/ TKPKR	Justifikasi
1.	Pengurusan Fasiliti secara komprehensif operasi & penyelenggaraan kerja-kerja kejuruteraan mekanikal, elektrik, awam dan lain lain di pejabat kerajaan Kompleks D, Putrajaya (2012 – 2015)	39,042,683	2 Honda City RM324,000 2 Motorsikal RM28,800	Cawangan	Melibatkan kompleks bangunan dan keluasan tapak melebihi 40 ekar
2	Kontrak pengurusan fasiliti bagi Kompleks Kementerian Kewangan Blok 2G2, Presint 2, Putrajaya	35,555,000	1 Proton Inspira 1.8 RM180,000	Cawangan	Masalah akses ke tapak bina
3.	Kontrak pengurusan fasiliti bagi Kompleks Kementerian Kewangan Blok 2G5 & 2G6, Presint 2, Putrajaya	34,079,938	1 Proton Inspira 2.0 RM290,960	Cawangan	Masalah akses ke tapak bina
4	Kontrak pengurusan fasiliti bagi Kompleks Kementerian Kewangan Blok 2G1 A Dan B, Presint 2, Putrajaya	30,738,884	1 Proton Inspira 1.8 RM173,500	Cawangan	Masalah akses ke tapak bina
5.	Kerja-kerja Operasi & Penyelenggaraan secara komprehensif bagi Kompleks Jabatan Peguam Negara (Lot 4G7), Presint 4, Putrajaya	7,740,170	1 Proton Persona Elegance 1.6 RM81,000	Cawangan	Masalah akses ke tapak bina

SENARAI PROJEK PENYELENGGARAAN
YANG TELAH DILULUSKAN KHIDMAT PENGANGKUTAN (samb...)

Bil.	Nama Projek	Harga Kontrak Asal	Bilangan Kenderaan Projek/Kos	Pelulus JKPMK Peringkat Cawangan/ TKPKR	Justifikasi
6.	Kerja-kerja Operasi dan Penyelenggaraan untuk 5 blok Pangsapuri (830 unit) untuk tempoh 3 tahun. Bagi bangunan kuarters kerajaan Persekutuan di Presint 14-7, Putrajaya (2010 – 2013)	5,722,200	1 Proton Waja RM45,000	Cawangan	Masalah akses ke tapak bina
7.	Kerja-kerja Pengurusan Penyelenggaraan & Operasi secara komprehensif kerja Kejuruteraan Awam, Mekanikal, Elektrikal, Housekeeping & Kawalan Serangga Perosak di Bangunan Kerajaan Lot 5G2, Presint 5, Putrajaya	9,939,436	1 Nissan X-Trail RM120,000	Cawangan	Masalah akses ke tapak bina
8.	Perkhidmatan Pengurusan, Penyelenggaraan & Operasi Secara Komprehensif Kerja Mekanikal & Elektrik Sivil di PICC, Putrajaya	13,727,900	1 Nissan Sylphy RM149,000	Cawangan	Masalah akses ke tapak bina
9.	Pengurusan Fasiliti Secara Komprehensif Operasi & Penyelenggaraan Bagi Kerja-Kerja Mekanikal, Elektrikal Dan Sivil di Kementerian Luar Negeri Blok WP1 & WP2, Putrajaya	10,449,850	1 Nissan Teana RM151,200	Cawangan	Masalah akses ke tapak bina



1. KETIDAKPATUHAN KEPADA SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 13 TAHUN 1999 (SPP 13/1999) (Samb..)

PENEMUAN AUDIT

b) PROJEK PEMBINAAN

- Daripada 16 projek yang dipilih, sebanyak 7 merupakan projek pembinaan.
- 3 daripada 7 projek pembinaan yang diaudit tidak mematuhi salah 1 daripada 4 kriteria.
- Justifikasi dalam borang permohonan hanya dinyatakan **kenderaan Jabatan tidak mencukupi** sahaja yang mana tidak melayakkan projek berkenaan diberi kemudahan khidmat pengangkutan.

Bil.	Pengurus Program	Nama Projek	No. Pendaftaran Kenderaan
1.	JKR WPP	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Ibu pejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia di Wilayah Persekutuan Putrajaya.	WTU 7387
2.	CPPT	Universiti Malaysia Pahang (UMP) – Kompleks Pentadbiran Utama	WXH 5274 WXH 5175
3.	CPPT	Universiti Malaysia Pahang (UMP) – Pusat ICT dan Pusat Bahasa Moden	WXG 3437 WXG 3065 WXH 8525



1. KETIDAKPATUHAN KEPADA SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 13 TAHUN 1999 (SPP 13/1999) (Samb..)

PENDAPAT AUDIT

- SPP 13/1999 tidak boleh diguna pakai untuk kontrak penyelenggaraan kerana perolehan tersebut dikategorikan sebagai 'perkhidmatan', bukannya 'kerja' sungguhpun terdapat elemen kerja dalam pelaksanaan penyelenggaraan tersebut
- Hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk membetulkan keadaan.
- Justifikasi permohonan kenderaan tidak boleh direka dan hendaklah menggambarkan situasi sebenar.
- Pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib kerana tidak jujur/amanah dalam menjalankan tugas.
- JKPMK perlu memastikan SPP 13/1999 dan SAKPKR 3/2010 dipatuhi sebelum meluluskan permohonan.
- Daripada maklum balas yang diterima daripada Kementerian Kewangan adalah jelas kontrak penyelenggaraan tidak layak mendapat kemudahan pengangkutan di bawah SPP 13/1999.





**1. KETIDAKPATUHAN KEPADA SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 13
TAHUN 1999 (SPP 13/1999)**

ii. KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (4WD) TIDAK DIGUNAKAN

KRITERIA

SPP 13/1999 - hanya kenderaan **4WD** sahaja yang boleh digunakan sebagai khidmat pengangkutan melalui kontrak kerja.

Manakala, barangan buatan tempatan hendaklah diutamakan bagi perolehan khidmat pengangkutan dan kemudahan peralatan dan keperluan tersebut perlu dimasukkan dalam dokumen tender.

**PENEMUAN
AUDIT**

- 11 daripada 25 kenderaan projek adalah terdiri daripada kenderaan jenis saloon iaitu **Toyota Altis, Toyota Camry, Nissan Teana, Nissan Sylphy, Honda City, Proton Inspira, Proton Persona dan Proton Waja.**
- 9 daripadanya adalah terdiri daripada kenderaan saloon bukan buatan tempatan.



SENARAI KENDERAAN SALOON YANG BUKAN BUATAN TEMPATAN

Bil.	Nama Projek	Jenis Kenderaan	Penempatan Kenderaan
1.	Pengurusan Fasilitas Secara Komprehensif Operasi & Penyelenggaraan Kerja-kerja Kejuruteraan Mekanikal, Elektrikal, Awam,dll. Di Pejabat Kerajaan Kompleks D, Putrajaya (2012-2015)	2 X Honda City	Bahagian Senggara Zon 1, JKR Putrajaya
2.	Perkhidmatan Pengurusan, Penyelenggaraan & Operasi Secara Komprehensif Kerja Mekanikal & Elektrik & Sivil di PICC, Putrajaya	Nissan Sylphy	Bahagian Senggara Zon 3, JKR Putrajaya
3.	Pengurusan Fasilitas Secara Komprehensif Operasi & Penyelenggaraan Bagi Kerja-kerja Mekanikal, Elektrikal dan Sivil di Kementerian Luar Negeri Blok WP1 & WP2, Putrajaya	Nissan Teana	Bahagian Senggara Zon 3, JKR Putrajaya
4.	Cadangan Menyiapkan Baki Kerja Bagi UITM Cawangan Selangor, Kampus Sungai Buloh – Fakulti Pergigian	2 X Toyota Camry	JKR Negeri CPPT
5.	Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kampus Antarabangsa Labuan – Kompleks Dewan Kuliah Pusat.	Toyota Vios	Tapak Projek
6.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Institut Perubatan Molekul (UMBI) di HUKM	Toyota Altis	Tapak Projek
7.	Universiti Malaysia Sabah – Projek Pembangunan Fasa 2b (Bangunan Pusat Multimedia Dan Institut Bioteknologi)	Chevrolet SUV	Tapak Projek CPPT



**1. KETIDAKPATUHAN KEPADA SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 13
TAHUN 1999 (SPP 13/1999) (Samb..)**

**PENDAPAT
AUDIT**

- Pihak JKR hendaklah memastikan kenderaan jenis 4WD sahaja dibekalkan selaras dengan SPP 13/1999.
- Pihak Audit mengesyorkan agar pihak JKR mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan sekiranya memerlukan kenderaan jenis lain.





2. KETIDAKPATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT KONTRAK

i. KENDERAAN PROJEK TELAH DISERAHKAN KEPADA KEMENTERIAN PELANGGAN

KRITERIA

Mengikut kontrak, keperluan penggunaan khidmat pengangkutan adalah untuk tujuan penyeliaan kerja dan pentadbiran kontrak oleh Pegawai Penguasa dan wakilnya. SPP 13/1999 menyatakan kemudahan pengangkutan adalah untuk kegunaan pegawai/kakitangan termasuk perunding (jika khidmat perunding dikenakan) yang terlibat secara langsung dengan pengurusan projek.





2. KETIDAKPATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT KONTRAK (samb...)

PENEMUAN AUDIT 1

- 6 buah kenderaan telah diluluskan untuk 2 projek di tapak bina yang sama dan di bawah tanggungjawab PP yang sama. Perkara ini telah dimaklumkan dalam borang permohonan namun masih diluluskan oleh ' JKPMK peringkat Cawangan.

Tajuk Projek	Harga Kontrak Asal	Bilangan Kenderaan Projek	Penempatan Kenderaan	Jenis / Model	Nama PP
Universiti Malaysia Pahang (UMP) – Kompleks Pentadbiran Utama	53,000,000	3	• KPT • UMP • CKUB	• Honda CRV • Honda CRV • Mitsubishi Pajero Sport	En. Habbali Bin Ibrahim
Universiti Malaysia Pahang (UMP) – Pusat ICT dan Pusat Bahasa Moden	70,000,000	3	• Tapak • Tapak • CPPT	• Toyota Fortuner • Mitsubishi Pajero Sport • Mitsubishi Pajero Sport	En. Habbali Bin Ibrahim



2. KETIDAKPATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT KONTRAK (samb...)

PENEMUAN AUDIT 2

- Penempatan sebenar bagi 4 buah kenderaan projek berbeza daripada yang telah diluluskan oleh JKPMK di mana **kenderaan tersebut telah diserahkan kepada Kementerian pelanggan.**

JKR Terlibat	Nama Projek	No. Pendaftaran Kenderaan/Model	Penempatan Sebenar	Penempatan Seperti Yang Diluluskan Oleh JKPMK
JKR WPP	Pembinaan Dataran Pahlawan Negara di Presint 1, Putrajaya	WXU 1778 Toyota Fortuner	Jabatan Perdana Menteri	Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan
CPPT	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Gambang, Pahang – Pusat Asasi Sains Fasa 2	CCR 6804 Toyota Fortuner	Universiti Islam Antarabangsa, Gombak	Cawangan Pendidikan Dan Pengajian Tinggi
CPPT	Universiti Malaysia Pahang – Kompleks Pentadbiran Utama Kampus Pekan, Pahang	WXH 5175 Honda CRV	Kementerian Pengajian Tinggi	i) Pejabat Tapak
		WXH 5274 Honda CRV	Pejabat Pembangunan Dan Pengurusan Harta, UMP Kampus Gambang	ii) Arkitek



2. KETIDAKPATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT KONTRAK (samb...)

PENEMUAN AUDIT 3

- Penyerahan kenderaan **WXU 1778 dan CCR 6804** kepada pelanggan tidak dilakukan secara rasmi (tiada bukti penyerahan).
- **Borang E1 telah ditandatangani oleh Pegawai JKR.** Sekiranya apa-apa berlaku terhadap kenderaan tersebut, pihak JKR yang akan dipertanggungjawabkan

PENDAPAT AUDIT

- Kenderaan projek hanyalah untuk kegunaan PP/WPP serta perunding dan bukannya Kementerian Pelanggan. Tindakan tersebut telah tidak mematuhi SPP 13/1999.
- Penempatan kenderaan projek hendaklah sama seperti penempatan yang diluluskan semasa permohonan dibuat kepada JKPMK.
- Pihak JKR WPP hendaklah mengambil balik kenderaan yang diserahkan kepada pelanggan kerana mereka tidak layak untuk diberi kemudahan tersebut.





2. KETIDAKPATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT KONTRAK (samb...)

ii. KENDERAAN PROJEK TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI YANG DILULUSKAN

KRITERIA

Kontraktor hendaklah membekalkan kenderaan seperti dalam spesifikasi kontrak.

Mengikut SAKPKR Bil.3/2010, sebarang perubahan terhadap kuantiti dan spesifikasi kenderaan tidak dibenarkan sama sekali. Sekiranya tidak dapat dielakkan dan tender belum dipanggil, kelulusan semula hendaklah diperoleh dari JKPMK berkenaan atau JKPMK yang lebih tinggi jika telah melebihi had maksimum yang dibenarkan.





2. KETIDAKPATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT KONTRAK (samb...)

PENEMUAN AUDIT

- Terdapat 4 kenderaan projek yang dibekalkan oleh kontraktor tidak mengikut spesifikasi kontrak; dan
- Kenderaan bagi projek Institut Perubatan Molekul (UMBI) di HUKM mendapati kenderaan sebenar **yang diterima adalah Toyota Altis** tetapi dalam Lampiran E1 dinyatakan kenderaan projek **yang diterima adalah 4WD. .**

PENDAPAT AUDIT

- JKR perlu memastikan kenderaan yang dibekalkan adalah selaras dengan syarat kontrak.
- Pelarasan perlu dibuat sekiranya kenderaan yang dibekalkan adalah lebih rendah nilainya daripada yang ditetapkan dalam kontrak.



KENDERAAN PROJEK TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI YANG DILULUSKAN

Bil.	CPPT Terlibat	Nama Projek	Jenis / Model Kenderaan Dan Nombor Pendaftaran Kenderaan	Spesifikasi Kontrak	Spesifikasi Dibekalkan
1.	JKR WPP	Komprehensif Operasi & Penyelenggaraan Bagi Kerja-kerja Mekanikal, Elektrikal dan Sivil di Kementerian Luar Negeri Blok WP1 & WP2, Putrajaya	Nissan Teana JNB 6100	1600 cc	2000 cc
2.	JKR WPP	Kerja-kerja Pengurusan, Penyelenggaraan & Operasi Secara Komprehensif Kerja Kejuruteraan Awam, Mekanikal, Elektrikal, Housekeeping & Kawalan Serangga Perosak di Bangunan Kerajaan Lot 5G2 Presint 5, Putrajaya	Nissan X-Trail WVS 5773	1400 – 1500cc	2000 cc
3.	JKR WPP	Perkhidmatan Pengurusan, Penyelenggaraan & Operasi Secara Komprehensif Kerja Mekanikal & Elektrik & Sivil di PICC, Putrajaya	Nissan Sylphy WVR 1704	Saloon kurang dari 1800 cc	2000 cc
4.	CPPT	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Institut Perubatan Molekul (UMBI) di HUKM	Toyota Altis WLQ 1800	Kereta Pacuan Empat (4) Roda dan 2500 cc ke atas	Saloon 1800 cc



2. KETIDAKPATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT KONTRAK (samb...)

iii. PEMANDU KENDERAAN PROJEK TIDAK DIBEKALKAN

KRITERIA

Mengikut Kontrak, Kontraktor hendaklah membekalkan kenderaan berserta dengan pemandu. Ini juga selaras dengan SAKPKR Bil.3/2010 iaitu penggunaan kenderaan projek tanpa pemandu adalah tidak dibenarkan.

PENEMUAN AUDIT

- 5 kenderaan tidak dibekalkan dengan pemandu. 4 daripada kenderaan tersebut telah diserahkan untuk kegunaan Kementerian pelanggan, manakala 1 lagi kenderaan telah diperoleh di bawah kontrak penyelenggaraan.
- Amaun bayaran bagi kenderaan projek adalah termasuk bayaran bagi penyediaan pemandu oleh kontraktor untuk setiap kenderaan yang dibekalkan.





2. KETIDAKPATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT KONTRAK (samb...)

PENDAPAT AUDIT

- Semua kenderaan perlu disediakan dengan pemandu selaras dengan keperluan senarai kuantiti serta pematuhan kepada arahan KPKR.
- Sekiranya pemandu tidak dibekalkan, pelarasan bayaran kepada kontraktor hendaklah dibuat.



PEMANDU KENDERAAN PROJEK TIDAK DIBEKALKAN

Bil.	JKR Terlibat	Nama Projek	No. Pendaftaran Kenderaan	Model / Jenis Kenderaan	Penempatan
1.	CPPT	Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kampus Pekan, Pahang – Kompleks Pentadbiran Utama	WXH 5274	Honda CRV I-VTEC A	Pejabat Pembangunan Dan Pengurusan Harta UMP Gambang
2.	CPPT	Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kampus Pekan, Pahang – Kompleks Pentadbiran Utama	WXH 5175	Honda CRV I-VTEC A	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
3.	CPPT	Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Kampus Gambang – Pusat Asasi Sains : Fasa 2 – Bangunan Pentadbiran Dan Kolej Kediaman	CCR 6804	Toyota Fortuner	UIA Gombak
4.	JKR WPP	Projek Pembinaan Dataran Pahlawan Negara di Presint 1, Putrajaya	WXU 1778	Toyota Fortuner	Jabatan Perdana Menteri
5.	JKR WPP	Pengurusan Fasiliti secara komprehensif operasi & penyelenggaraan kerja-kerja kejuruteraan mekanikal, elektrik, awam dan lain lain di pejabat kerajaan Kompleks D, Putrajaya (2012 – 2015)	WXL 7550	Honda City 1.5L VTEC	JKR WPP



2. KETIDAKPATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT KONTRAK (samb...)

iv. PEMANDU LEWAT DIBEKALKAN

KRITERIA

Berdasarkan SAKPKR 3/2010, penggunaan kenderaan projek tanpa pemandu adalah tidak dibenarkan. Manakala pada senarai kuantiti dalam dokumen kontrak menyatakan kenderaan hendaklah dibekalkan berserta pemandu.





2. KETIDAKPATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT KONTRAK (samb...)

PENEMUAN AUDIT

Tempoh bagi projek Perkhidmatan Pengurusan, Penyelenggaraan & Operasi Secara Komprehensif Kerja Mekanikal, Elektrik & Sivil di PICC, Putrajaya bermula pada 2011 hingga Julai 2014.

- Pelantikan pemandu bagi kenderaan projek tersebut (WVR 1704) hanya dibuat pada 2.07.2012.
- Sebelum pelantikan pemandu, kenderaan tersebut dipandu oleh Alias bin Ahmad iaitu pemandu kenderaan projek yang lain iaitu Projek Perkhidmatan Pengurusan, Penyelenggaraan Dan Operasi Secara Komprehensif Di Kompleks Kementerian Luar Negeri (Blok WP1 Dan WP2), Putrajaya.
- Ini bermakna pemandu bagi kenderaan WVR 1704 telah lewat dibekalkan selama sepuluh (10) bulan.

PENDAPAT AUDIT

Sila pastikan pelarasan harga dibuat bagi sepanjang tempoh ketiadaan pemandu.





2. KETIDAKPATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT KONTRAK (samb...)

v. PERLINDUNGAN INSURANS KOMPREHENSIF KENDERAAN PROJEK

KRITERIA

Mengikut Syarat Kontrak, kontraktor perlu menyediakan insurans komprehensif bagi kenderaan projek yang melindungi semua pemandu dan penumpang kenderaan

PENEMUAN AUDIT

Semua kenderaan projek telah dilindungi oleh insurans komprehensif dengan tambahan premium untuk semua pemandu (*All Drivers*) tetapi tidak melindungi penumpang. Sekiranya berlaku kemalangan, penumpang tidak mendapat perlindungan.

PENDAPAT AUDIT

PP hendaklah memastikan polisi insurans komprehensif yang diambil kontraktor terhadap kenderaan projek yang dibekalkan adalah melindungi pemandu dan penumpang (*driver and passenger personal accident*).





2. KETIDAKPATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT KONTRAK (samb...)

vi. KONTRAKTOR TIDAK MENGHANTAR KENDERAAN UNTUK PEMERIKSAAN PUSPAKOM

KRITERIA

Mengikut kontrak, kontraktor perlu memastikan kenderaan bebas dari kemalangan dan disenggara dengan baik dengan menghantar kenderaan untuk pemeriksaan PUSPAKOM setiap 6 bulan sekali. Pemeriksaan PUSPAKOM adalah diwajibkan oleh JPJ untuk semua kenderaan awam dan komersil.

PENEMUAN AUDIT

Kesemua kenderaan projek **tidak dihantar untuk pemeriksaan PUSPAKOM**. Tiada bukti menunjukkan semua kenderaan telah dihantar untuk pemeriksaan PUSPAKOM.





2. KETIDAKPATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT KONTRAK (samb...)

PENDAPAT AUDIT

PP atau WPP hendaklah memantau dan memastikan kontraktor menghantar kenderaan untuk pemeriksaan setiap 6 bulan sekali dengan mengemukakan laporan/sijil perakuan PUSPAKOM sebagai bukti. Pemeriksaan kenderaan secara berkala dapat mengelakkan kemalangan akibat masalah mekanikal.





3. KAWALAN PENGGUNAAN KENDERAAN PROJEK

i. KENDERAAN PROJEK DIPANDU SENDIRI OLEH PEGAWAI JKR

KRITERIA

Berdasarkan SAKPKR 3/2010, penggunaan kenderaan projek tanpa pemandu adalah tidak dibenarkan.

PENEMUAN AUDIT 1

Kenderaan Proton Inspira WWE 7051 telah diserahkan untuk kegunaan JKR WPP dengan pemandu, En. Norhisham B. Elias.

Buku Log Kenderaan - beberapa perjalanan tidak menggunakan khidmat pemandu yang disediakan oleh kontraktor tetapi dipandu sendiri oleh pegawai JKR.



KENDERAAN PROJEK DIPANDU SENDIRI OLEH PEGAWAI JKR

Nama Projek	Tarikh	Nama Pegawai Yang Memandu	Tujuan Perjalanan
Kontrak Pengurusan Fasiliti Bagi Kompleks Kementerian Kewangan, Blok 2G1A & 2G1B, Presint 2, Putrajaya	22/2/2012	Mohamad Fadly bin Rosli	Ibu Pejabat JKR
	26/6/2012	Farah Zuhana binti Zulkefle	2G1
	13/7/2012 - 15/7/2012	Fazli	Kursus Johor Bahru
	19/7/2012	Mohamad Fadly bin Rosli	Parcel 9
	19/7/2012	Farah Zuhana binti Zulkefle	2G1
	4/10/2012	Al'Azhario bin Ahmad	PUU, KKR Blok B
	17/10/2012	Fazli	KL
	22/10/2012	Al'Azhario bin Ahmad	Pejabat Menteri, KKR.
	7/11/2012	Mohamad Fadly bin Rosli	2G1 & Parcel 15
	26/11/2012 - 28/11/2012	Linda	Kursus Gambang, Kuantan.



3. KAWALAN PENGGUNAAN KENDERAAN PROJEK (samb...)

PENEMUAN AUDIT 2

Kenderaan projek telah digunakan untuk menghadiri kursus di Johor Bharu dan di Gambang, Kuantan dan bukan untuk memantau projek. Pihak Audit dimaklumkan kenderaan projek tersebut dipandu oleh pegawai JKR.

PENDAPAT AUDIT

- Perkara ini perlu bagi mengelakkan perjalanan dibuat tanpa kawalan dan tujuan perjalanan adalah atas urusan rasmi sahaja.
- Sekiranya pegawai selain pemandu yang dilantik membawa kenderaan, kelulusan secara bertulis hendaklah di perolehi terlebih dahulu.





3. KAWALAN PENGGUNAAN KENDERAAN PROJEK (samb...)

ii. PENYELENGGARAAN BUKU LOG

KRITERIA

Mengikut SAKPKR Bil. 3/2010, setiap kenderaan projek hendaklah disediakan Buku Log untuk kenderaan bagi:

- i. Merekodkan butir-butir penggunaan;
- ii. Tujuan perjalanan serta pegawai yang menggunakan kenderaan tersebut;
- iii. Buku log hendaklah diselenggarakan dengan betul dan disimpan oleh pemandu dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa; dan
- iv. Ini adalah untuk memastikan kenderaan projek hanya digunakan untuk tujuan rasmi dan disimpan di tapak bina atau pejabat apabila tidak digunakan.





3. KAWALAN PENGGUNAAN KENDERAAN PROJEK (samb...)

PENEMUAN AUDIT 1

BACAAN ODOMETER PADA BUKU LOG TIDAK SAMA SEPERTI BACAAN ODOMETER PADA KENDERAAN

6 buah kenderaan mempunyai bacaan odometer pada buku log dengan bacaan yang tertera pada odometer kenderaan **tidak sama dan perbezaannya adalah antara 20,551KM - 81,860KM.**

- Buku log tidak digunakan untuk mencatat penggunaan kenderaan-kenderaan tersebut.
 - Tidak dapat mengesahkan sama ada tujuan perjalanan bagi kenderaan-kenderaan tersebut adalah untuk tujuan perjalanan rasmi atau sebaliknya.
 - Malahan bacaan odometer pada 4 buah kenderaan adalah terlalu tinggi.
 - 3 kenderaan baru sahaja diterima pada hujung bulan Oktober 2012. (5 bulan) melibatkan lebih daripada 20,000km
 - Sebuah lagi diterima pada Jun 2012 melibatkan 76,774KM.
- (Pengauditan dijalankan diantara bulan Mac – April 2013)



PERBEZAAN ODOMETER DALAM BUKU LOG DENGAN ODOMETER PADA KENDERAAN

Bil.	JKR Yang Terlibat	Nama Projek	Tarikh Kenderaan Diterima	No. Pendaftaran Kenderaan Dan Jenis / Model Kenderaan	Bacaan Odometer Pada Kenderaan (Km)	Bacaan Odometer Pada Buku Log (Km)	Perbezaan (Km)
1.	CPPT	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Gambang – Pusat Asasi Sains : Fasa 2 – Bangunan Pentadbiran Dan Kolej Kediaman	06/10/2010	CCR 6802 Toyota Fortuner 2.7V	93,900	12,040	81,860
2.	CPPT	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Gambang – Pusat Asasi Sains : Fasa 2 – Bangunan Pentadbiran Dan Kolej Kediaman	06/10/2010	CCR 6801 Nissan X-Trail 2.5L	70,740	27,701	43,039
3.	CPPT	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Gambang – Pusat Asasi Sains : Fasa 2 – Bangunan Pentadbiran Dan Kolej Kediaman	20/06/2012	CCR 6804 Toyota Fortuner 2.7V	76,774	16,471	60,303
4.	CPPT	Universiti Malaysia Pahang Kampus Pekan – Pusat ICT Dan Pusat Bahasa Moden	30/10/2012	WXG 3437 Mitsubishi Pajero VGT 2.5	22,108	3000	22,108
5.				WXG 3065 Mitsubishi Pajero VGT 2.5	20,570	6230	26,800
6.				WXH 8525 Toyota Fortuner 2.5G	25,231	4680	20,551



3. KAWALAN PENGGUNAAN KENDERAAN PROJEK (samb...)

PENDAPAT AUDIT

Bacaan odometer yang terdapat dalam buku log kenderaan sepatutnya sama dengan bacaan odometer yang terdapat pada kenderaan.

Setiap perjalanan hendaklah dicatatkan dalam buku log bagi memastikan tiada penyalahgunaan kenderaan dilakukan.

PP hendaklah memastikan semua perjalanan menggunakan kenderaan projek dicatatkan dalam buku log dengan teratur dan kemas kini.





3. KAWALAN PENGGUNAAN KENDERAAN PROJEK (samb...)

PENEMUAN AUDIT 2

KENDERAAN TELAH DIGUNAKAN BUKAN UNTUK PEMANTAUAN PROJEK

Kenderaan projek telah digunakan bukan untuk tujuan pemantauan projek sepertimana yang terdapat dalam justifikasi permohonan kenderaan.

PENDAPAT AUDIT

- Kenderaan projek hendaklah digunakan untuk tujuan pemantauan projek sahaja. Penyalahgunaan kenderaan untuk tujuan bukan rasmi seharusnya tidak berlaku.
- Tindakan terhadap pegawai yang menyalahgunakan kenderaan projek perlu diambil bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang.
- Sebagai kawalan dalaman, bagi tugas rasmi yang tidak melibatkan projek, pihak Audit mengesyorkan Borang Permohonan Penggunaan Kenderaan digunakan.





3. KAWALAN PENGGUNAAN KENDERAAN PROJEK (samb...)

PENEMUAN AUDIT 3

CATATAN KILOMETER PERJALANAN YANG TIDAK MUNASABAH

Catatan kilometer dalam buku log kenderaan mendapati jumlah jarak perjalanan adalah tidak munasabah kerana terlalu tinggi dari jarak perjalanan yang sebenar.

Bagi kenderaan Nissan X-Trail (WVS 5773) bagi Projek Kerja-kerja Pengurusan, Penyelenggaraan & Operasi Secara Komprehensif Kerja Kejuruteraan Awam, Mekanikal, Elektrikal, Housekeeping & Kawalan Serangga Perosak di Bangunan Kerajaan Lot 5G2 Presint 5, Putrajaya mendapati kiraan kilometer berbeza dengan bacaan odometer sebelum dan selepas seperti yang tercatat pada buku log kenderaan tersebut.

PENDAPAT AUDIT

- Catatan kilometer perlu diambil sebelum dan selepas untuk setiap perjalanan. Perkara ini bagi mengelakkan catatan kilometer yang tidak munasabah.
- Siasatan dalaman hendaklah dibuat bagi memastikan tiada penyalahgunaan kenderaan dilakukan



CATATAN KILOMETER PERJALANAN YANG TIDAK MUNASABAH

Bil.	JKR Yang Terlibat	Nama Projek	No. Pendaftaran Kenderaan	Tujuan Perjalanan	Catatan Perjalanan Dalam Buku Log (Kilometer)
1.	JKR WPP	Kontrak Pengurusan Fasilitas bagi Kompleks Kementerian Kewangan Blok 2G2, Presint 2, Putrajaya	BLP 515	JKR WPP – Kuantan, Pahang (25.11.2012)	2500
				Kuantan, Pahang – JKR WPP (28.11.2012)	2100
2.	JKR WPP	Pengurusan Fasilitas Secara Komprehensif Operasi & Penyelenggaraan Bagi Kerja-kerja Mekanikal, Elektrikal dan Sivil di Kementerian Luar Negeri Blok WP1 & WP2, Putrajaya	JNB 6100	Hantar kereta untuk servis. Terima kereta jam 6 pm (26.09)	767
				Hospital (04.09)	220
				BSN (04.09)	
				PJH (04.09)	
				Istana Negara (10.10)	2720
				JKR Mid Valley (16.10)	990
				JKR Chan Sow Lin (16.10)	
				BSN (19.10)	
				Maybank (19.10)	
				Masjid Putra (19.10)	
				Masjid Mizan & KLCC (06.11)	1085
				Balai Polis & Bomba (07.11)	
				Crown Plaza – Seminar (-)	
				BSN, Maybank & Masjid Putra (-)	
				JKR IP KL (14.01)	1972
3.	JKR WPP	Kerja-kerja Operasi Dan Penyelenggaraan Secara Komprehensif Bagi Kompleks Bangunan Kerajaan 2G5 & 2G6, Presint 2, Putrajaya	WXL 913	MAKSWIP Perlis (29.11.2012 – 01.12.2012)	1,505
4.	JKR WPP	Kerja-kerja Operasi Dan Penyelenggaraan Secara Komprehensif Bagi Jabatan Peguam Negara (Lot 4G7), Presint 4, Putrajaya	JMY 1600	4G7 (12.04.2012)	736



3. KAWALAN PENGGUNAAN KENDERAAN PROJEK (samb...)

PENEMUAN AUDIT 4

BUKU LOG TIDAK DISELENGGARA DENGAN LENGKAP DAN TIDAK DIKEMAS KINI

Buku log bagi semua kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Antara perkara-perkara yang tidak lengkap dan kemas kini ialah:

- i. Tujuan perjalanan tidak dinyatakan dengan terang dan jelas;
- ii. Nama dan Tandatangan pegawai yang memberi kuasa tidak diisi;
- iii. Nama dan tandatangan pegawai yang mengguna tidak diisi dengan lengkap; dan
- iv. Bacaan odometer tidak dicatat/tidak dicatat dengan betul.

PENDAPAT AUDIT

Buku Log adalah penting untuk mengawal penggunaan kenderaan. Oleh itu, buku log hendaklah diisi dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan terhadap kenderaan tersebut.





3. KAWALAN PENGGUNAAN KENDERAAN PROJEK (samb...)

- iii. LOGO JKR DAN NAMA PROJEK TIDAK DIPAPARKAN PADA KENDERAAN PROJEK DAN LOGO JKR MENGGUNAKAN PELEKAT JENIS MUDAH TANGGAL.**

KRITERIA

Mengikut SAKPKR Bil. 3/2010, logo JKR dan nama projek hendaklah dipaparkan (*printed*) di kedua-dua pintu hadapan kenderaan.






3. KAWALAN PENGGUNAAN KENDERAAN PROJEK (samb...)

PENEMUAN AUDIT 1

5 buah kenderaan tidak dipaparkan dengan logo JKR atau nama projek.

Tiada Logo Dan Nama Projek



Sumber : Unit Audit Dalam, KKR

Kenderaan : WXW 9617

Lokasi : Pejabat JKR WPP

Tarikh : 11 Mac 2013



KENDERAAN PROJEK TIADA LOGO DAN NAMA PROJEK

Tiada Logo Dan Nama Projek



Sumber : Unit Audit Dalam, KKR

Kenderaan : WVR 1704

Lokasi : Pejabat JKR WPP

Tarikh : 11 Mac 2013

Tiada Logo Dan Nama Projek



Sumber : Unit Audit Dalam, KKR

Kenderaan : WLQ 1800

Lokasi : JKR WPKL

Tarikh : 25 Mac 2013



3. KAWALAN PENGGUNAAN KENDERAAN PROJEK (samb...)

PENEMUAN AUDIT 2

7 kenderaan projek dipaparkan dengan logo JKR jenis pelekat magnet yang boleh ditanggalkan dan tiada nama projek pada kedua-dua belah pintu kenderaan tersebut.

PENDAPAT AUDIT

- JKR hendaklah memastikan kesemua kenderaan projek dipaparkan logo JKR dan nama projek dipaparkan pada kedua-dua belah pintu kenderaan tersebut.
- Logo jenis pelekat kekal perlu digunakan bagi mengelakkan penyalahgunaan kenderaan.



KENDERAAN PROJEK MENGGUNAKAN LOGO JKR YANG MUDAH TANGGAL

Kenderaan Projek Menggunakan Logo JKR Jenis Mudah Tanggal



Sumber : Unit Audit Dalam, KKR

Kenderaan : WTU 7387

Lokasi : Pejabat JKR WPP

Tarikh : 11 Mac 2013

Kenderaan Projek Menggunakan Logo JKR Jenis Mudah Tanggal



Sumber : Unit Audit Dalam, KKR

Kenderaan : WXT 5346

Lokasi : Pejabat CPPT, Negeri Selangor

Tarikh : 21 Mac 2013



3. KAWALAN PENGGUNAAN KENDERAAN PROJEK (samb...)

PENEMUAN AUDIT 3

Tiada Nama Projek Dipaparkan Pada 2 Buah Kenderaan Projek.

Tiada Nama Projek Pada Kenderaan



Sumber : Unit Audit Dalam, KKR
Kenderaan WVE 7051 DAN WXL 913
Lokasi : Pejabat CPPT
Tarikh : 11 Mac 2013



SYOR / RUMUSAN AUDIT





SYOR / RUMUSAN AUDIT

Pada keseluruhannya, Pengurusan Khidmat Pengangkutan Melalui Kontrak Kerja adalah kurang memuaskan. Sehubungan itu, adalah disyorkan agar pihak pengurusan JKR mengambil tindakan berikut:

Khidmat Pengangkutan Dan Peralatan yang digariskan oleh SPP13/1999 hanya boleh diguna pakai untuk **kontrak kerja** sahaja.

Memastikan penggunaan khidmat pengangkutan untuk pengurusan projek hanya boleh diluluskan sekiranya memenuhi kriteria yang telah dinyatakan dalam SPP 13/1999;

Memastikan kenderaan yang dipohon dan diluluskan adalah pacuan 4 roda seperti dalam SPP 13/1999;

Memastikan syarat-syarat kontrak berkaitan dengan perolehan khidmat pengangkutan dipatuhi;





SYOR / RUMUSAN AUDIT (samb...)

Memastikan kenderaan projek digunakan untuk pemantauan projek/urusan rasmi sahaja dan buku log hendaklah disediakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan semua perjalanan dicatatkan.

Memastikan kenderaan ditempatkan seperti mana kelulusan oleh JKPMK;

Memastikan logo dan nama projek dilekatkan pada kenderaan dan pelekat yang digunakan adalah pelekat yang tidak mudah tanggal;

Borang Pemantauan Tahunan Perolehan Khidmat Pengangkutan Dan Peralatan iaitu Lampiran E2 disediakan sebelum 31 Januari selaras surat Arahan KPKR. Bil. 3/2010.





**PENGURUSAN PEMBINAAN DAN
PEROLEHAN PERALATAN
PEMBELAJARAN
PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI
(ADTEC),
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA,
JERANTUT, PAHANG**

(Laporan Ketua Audit Negara 2011)





LATAR BELAKANG PROJEK

- ❖ Sehingga tahun 2011, Kementerian Sumber Manusia telah membina 8 ADTEC di seluruh Malaysia termasuk 4 yang baru dibina pada tahun 2009 sehingga 2011 iaitu ADTEC Taiping, Kemaman, Bintulu dan Jerantut;
- ❖ Pihak yang terlibat di dalam pembinaan 4 ADTEC ini ialah seperti berikut:
 - i. **Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri** – bertanggungjawab menyemak dan meluluskan permohonan projek pembinaan ADTEC bersama peralatannya;





LATAR BELAKANG PROJEK (Samb..)

- ii. **Bahagian Pembangunan, Kementerian Sumber Manusia** – bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembinaan **ADTEC Kemaman** dan **Bintulu** dari aspek pengurusan, penyeliaan, pelaksanaan dan pemantauan projek. Pelantikan kontraktor dan perunding dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan secara rundingan terus;
- iii. **Unit Pengurusan Projek, Jabatan Kerja Raya (JKR)** – bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembinaan **ADTEC Taiping** dan **Jerantut** dari aspek pengurusan, penyeliaan, pelaksanaan dan pemantauan projek.





LATAR BELAKANG PROJEK (Samb..)

- ❖ Kementerian Kewangan telah melantik kontraktor bagi projek pembinaan ADTEC Taiping, Kemaman dan Bintulu melalui kaedah rundingan terus. **Manakala perolehan ADTEC Jerantut diuruskan oleh JKR melalui kaedah tender terhad.** Perbentangan difokuskan di ADTEC Jerantut memandangkan banyak isu yang dibangkitkan dalam LKAN 2011 berkaitan projek tersebut.
- ❖ Kontraktor yang telah dilantik melaksanakan projek ini ialah SM Pelangi Sdn. Bhd. dengan kos kontrak RM 95.30 juta;





LATAR BELAKANG PROJEK (Samb..)

- ❖ Pegawai Penguasa (PP) projek ialah Pengarah Kanan Cawangan Kerja Bangunan Am (CKBA) manakala Wakil Pegawai Penguasa 1 (WPP1) adalah Ketua Penolong Pengarah Kanan CKBA.
- ❖ Semasa projek ini menghadapi masalah, PP telah melantik Penolong Pengarah Kanan sebagai Wakil Pegawai Penguasa II (WPPII) pada 21 Jun 2010 untuk memantau projek di tapak sedangkan projek ini Reka & Bina.
- ❖ Tarikh milik tapak adalah pada 27 Oktober 2007 dan tarikh siap asal mengikut kontrak pada 22 September 2009 (728 hari).
- ❖ Terdapat 6 EOT telah diluluskan sepanjang projek ini berjalan. Tarikh siap selepas EOT No.6 (157 hari) diluluskan adalah pada 28 Disember 2011.





LATAR BELAKANG PROJEK (Samb..)

Tempoh Kontrak	Lanjutan Masa Diluluskan		Tarikh Lanjutan Baru	Tarikh Siap Sebenar	LAD Yang Dikenakan (RM Juta)
	Bil.	Hari			
24.10.2007 hingga 22.09.2009	1	92	23.12.2009	28.12.2011	1.68
	2	91	24.03.2010		
	3	145	16.08.2010		
	4	63	18.10.2010		
	5	159	26.03.2011		
	6	157	30.08.2011		
JUMLAH		707			





LATAR BELAKANG PROJEK (Samb..)

Perkara	Kontraktor
Nama Kontraktor	SM Pelangi Sdn. Bhd.
Peruntukan Diluluskan	RM 96.04 juta
Nilai Kontrak	RM 95.30 juta
Tarikh Milik Tapak	24 Oktober 2007
Tarikh Siap Asal	22 September 2009
Tempoh Kontrak	24 bulan (728 hari)
Jumlah EOT	6 EOT (707 hari)
Jumlah LAD Yang Dikenakan	RM1.68 juta (120 hari)
Tarikh Siap Semasa (CPC)	28 Disember 2011
Kaedah Perolehan	Reka & Bina (Tender Terhad)





OBJEKTIF, SKOP & METODOLOGI AUDIT





OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan pembinaan dan perolehan peralatan di ADTEC Jerantut telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

SKOP DAN METODOLOGI AUDIT

Semakan telah dibuat terhadap rekod, fail dan dokumen berkaitan di peringkat Kementerian, Cawangan Kerja Bangunan Am JKR dan Jabatan Tenaga Manusia. Perbincangan dan temubual dengan pegawai terlibat, pihak kontraktor dan perunding serta lawatan ke lokasi projek juga telah diadakan.





KEMENTERIAN KERJA RAYA & JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



PENEMUAN

Jabatan Kerja Raya Malaysia

www.jkr.gov.my



Public Works Department MALAYSIA





1. KONTRAK LEWAT DITANDATANGANI

KRITERIA

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan.

PENEMUAN AUDIT

Tarikh Tandatangan Surat Setuju Terima (SST)	Tarikh Akhir Kontrak Sepatutnya Ditandatangani	Tarikh Sebenar Kontrak Ditandatangani	Kelewatan (Hari)
22.10.2007	21.02.2008	19.11.2008	272





1. KONTRAK LEWAT DITANDATANGANI (Samb..)

SEBAB

- Kelewatan mengemukakan lukisan terperinci daripada pelbagai perunding yang dilantik oleh Kontraktor Reka & Bina;
- Surat yang dikeluarkan oleh Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan adalah surat biasa yang tidak menggesa pihak kontraktor mempercepatkan penghantaran dokumen-dokumen untuk tujuan penyediaan Dokumen Kontrak untuk ditandatangani.

KESAN

Dokumen Kontrak yang perlu ditandatangani tidak mengikut tempoh yang ditetapkan dalam tempoh 4 bulan dari SST.





2. KELULUSAN LANJUTAN MASA (EOT) KE-6

KRITERIA

Mengikut Arahan KPKR Bil. 2/2009 bertarikh 28 Mei 2009 perenggan 1.2 menyatakan demi memastikan proses pemberian lanjutan masa dilaksanakan dengan adil dan saksama dan tidak diluluskan sewenang-wenangnya oleh Pegawai Dinamakan di dalam kontrak, satu Jawatankuasa dan Lanjutan Masa (JKLM) ditubuhkan di peringkat Ibu Pejabat JKR bagi semua projek Persekutuan di bawah kendalian JKR.

PENEMUAN AUDIT

- JKR telah meluluskan lanjutan masa ke-6 selama 157 hari selepas Sijil Kerja Tidak Siap dikeluarkan. Adalah didapati JKR telah mengeluarkan Sijil Kerja Tidak Siap pada 25 Mac 2011 iaitu selepas berakhirnya tempoh lanjutan masa ke-5 dan mengenakan LAD mulai tarikh tersebut;
- Walaubagaimanapun, pada 10 Oktober 2011, JKR telah meluluskan lanjutan masa ke-6 selama 157 hari iaitu sehingga 30 Ogos 2011. Seterusnya pada 27 Oktober 2011, JKR telah mengeluarkan Sijil Kerja Tidak Siap yang baru dan LAD dikenakan mulai 31 Ogos 2011 iaitu setelah mengambil kira kelulusan lanjutan masa ke-6.





2. KELULUSAN LANJUTAN MASA (EOT) KE-6 (Samb..)

SEBAB

- Pengeluaran Perakuan Kerja Tidak Siap adalah teratur bagi mengelakkan *time at large* sementara menunggu kelulusan EOT;
- Permohonan EOT ke-6 telah dikemukakan kepada JKLM sebanyak 2 kali dengan alasan perubahan jajaran sistem pembuangan air dari kolam takungan ke alur sediada. Bagaimanapun JKLM yang dipengerusikan oleh TKPKR tetap tidak bersetuju meluluskan permohonan EOT atas sebab yang disyorkan oleh PP. JKLM berpendapat sebab-sebab yang disyorkan tidak layak dipertimbangkan. Ini adalah kerana menjadi tanggungjawab kontraktor untuk menyelesaikan masalah tersebut dalam tempoh seperti yang dijadualkan kerana projek ini dilaksanakan secara Reka dan Bina.
- Sebaliknya EOT ke-6 telah diluluskan juga oleh PP pada 10 Oktober 2011 atas sebab yang sama selama 157 hari.

KESAN

Dengan meluluskan EOT ke-6 selama 157 hari @ RM17,633.81/hari, LAD yang tidak dapat dikenakan sebanyak RM2,768,508.17 telah mengakibatkan kerugian kepada kerajaan.





2. KELULUSAN LANJUTAN MASA (EOT) KE-6 (Samb..)





3. KERJA PEMBINAAN DAN PEMBEKALAN PERALATAN TIDAK MEMATUHI SPESIFIKASI

KRITERIA

Mengikut syarat kontrak, semua kerja/pembekalan perlu mematuhi spesifikasi yang ditetapkan sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam spesifikasi, kelulusan daripada Pegawai Penguasa Projek perlu diperoleh terlebih dahulu.

PENEMUAN AUDIT

LOKASI	SPESIFIKASI	PEMERHATIAN SEMASA AUDIT	Ulasan Kementerian/JKR
Bengkel Teknologi Kimpalan (Bilik AVA)	Kemasan lantai daripada jenis jubin.	Kemasan lantai daripada jenis lepaan simen.	Pihak kontraktor telah memasang jubin di bilik AVA berdasarkan keperluan dinyatakan dan diselesaikan pada 15 Januari 2012.





3. KERJA PEMBINAAN DAN PEMBEKALAN PERALATAN TIDAK MEMATUHI SPESIFIKASI (Samb..)



Gambar 3.1

Lokasi: Bilik AVA, Bengkel Teknologi Kimpalan
Lantai Dipasang Dari Jenis Simen Walaupun Dalam Construction Drawing Sepatutnya Dari Jenis Jubin (27.07.2011)



Gambar 3.2

Lokasi: Bilik AVA, Bengkel Teknologi Kimpalan
Kemasan Lantai Telah Dipasang Dengan Jenis Homogeneous Tiles Oleh Kontraktor Selepas Teguran Audit
(Sumber: Jabatan Kerja Raya - 04.05.2012)





3. KERJA PEMBINAAN DAN PEMBEKALAN PERALATAN TIDAK MEMATUHI SPESIFIKASI (Samb..)

PENEMUAN AUDIT

LOKASI	SPESIFIKASI	PEMERHATIAN SEMASA AUDIT	Ulasan Kementerian/JKR
Bengkel Teknologi Komputer (Bilik UPS)	Kemasan lantai daripada jenis jubin.	Kemasan lantai daripada jenis lepaan simen.	Pihak kontraktor telah memasang jubin di bilik UPS berdasarkan keperluan dinyatakan dan diselesaikan pada 15 Januari 2012.





3. KERJA PEMBINAAN DAN PEMBEKALAN PERALATAN TIDAK MEMATUHI SPESIFIKASI (Samb..)



Gambar 3.3

Lokasi: Bilik UPS, Bengkel Teknologi Komputer
Lantai Dipasang Dari Jenis Simen Walaupun Dalam Construction Drawing Sepatutnya Dari Jenis Jubin (27.07.2011)



Gambar 3.4

Lokasi: Bilik UPS, Bengkel Teknologi Komputer
Kemasan Lantai Telah Dipasang Dengan Jenis Homogeneous Tiles Oleh Kontraktor Selepas Teguran Audit
(Sumber: Jabatan Kerja Raya - 04.05.2012)





3. KERJA PEMBINAAN DAN PEMBEKALAN PERALATAN TIDAK MEMATUHI SPESIFIKASI (Samb..)

PENEMUAN AUDIT

LOKASI	SPESIFIKASI	PEMERHATIAN SEMASA AUDIT	Ulasan Kementerian/JKR
Kafeteria	<i>Ramp</i> hendaklah dibina di <i>loading bay</i> dewan makan. (Harga dewan makan ditetapkan secara <i>lumpsum</i> . berjumlah RM638,313)	<i>Ramp</i> tidak dibina sepertimana ditetapkan dalam <i>construction drawing</i> .	<i>Ramp</i> telah dibina.





3. KERJA PEMBINAAN DAN PEMBEKALAN PERALATAN TIDAK MEMATUHI SPESIFIKASI (Samb..)



Gambar 3.5

Lokasi: Kafeteria

Ramp Tidak Dibina Di Dewan Makan Seperti Yang Ditetapkan Dalam Construction Drawing (26.07.2011)



Gambar 3.6

Lokasi: Kafeteria

Ramp Telah Dibina Di Dewan Makan Selepas Teguran Audit (Sumber: Jabatan Kerja Raya - 04.05.2012)





3. KERJA PEMBINAAN DAN PEMBEKALAN PERALATAN TIDAK MEMATUHI SPESIFIKASI (Samb..)

PENEMUAN AUDIT

LOKASI	SPESIFIKASI	PEMERHATIAN SEMASA AUDIT	Ulasan Kementerian/JKR
Bengkel Teknologi Kimpalan	<i>Ramp</i> hendaklah dibina di 4 pintu di Bengkel Teknologi Kimpalan.	3 daripada 4 pintu tidak dilengkapi dengan <i>ramp</i> seperti <i>construction drawing</i> .	3 daripada 4 pintu tersebut tidak dibina <i>ramp</i> tetapi dibina tangga berdasarkan kesesuaian lokasi dan keadaan tapak.





3. KERJA PEMBINAAN DAN PEMBEKALAN PERALATAN TIDAK MEMATUHI SPESIFIKASI (Samb..)



Gambar 3.7

Lokasi: Bengkel Teknologi Kimpalan
Ramp Tidak Dibina Sepertimana Ditetapkan Dalam Construction Drawing Dan Digantikan Dengan Tangga Di Bengkel Teknologi Kimpalan (27.07.2011)



Gambar 3.8

Lokasi: Bengkel Teknologi Kimpalan
Ramp Hanya Dibina Di Satu Lokasi Di Bengkel Teknologi Kimpalan Berbanding 4 Yang Ditetapkan Dalam Construction Drawing (27.07.2011)





3. KERJA PEMBINAAN DAN PEMBEKALAN PERALATAN TIDAK MEMATUHI SPESIFIKASI (Samb..)



Gambar 3.9

Lokasi: Bengkel Teknologi Kimpalan

Ramp Yang Sepatutnya Dibina Telah Digantikan Dengan
Tangga Mengikut Kesesuaian Lokasi Dan Keadaan Tapak
(Sumber : Jabatan Kerja Raya - 04.05.2012)





4. KERJA TIDAK BERKUALITI/TIDAK SESUAI

KRITERIA

Permukaan lantai di Bengkel Teknologi Pembuatan dari jenis *epoxy* perlulah berkualiti/berkilat

PENEMUAN AUDIT

Permukaan lantai dari jenis *epoxy* yang tidak berkualiti

SEBAB

- Tiada ulasan diterima daripada Kementerian/JKR

KESAN

Permukaan lantai yang tidak berkualiti/berkilat akan mencacatkan pandangan.





4. KERJA TIDAK BERKUALITI/TIDAK SESUAI (Samb..)



Gambar 3.10

Lokasi: Bengkel Teknologi Pembuatan

Bengkel Teknologi Pembuatan Yang Dilengkapi Dengan Lantai Jenis *Epoxy* Kurang Berkualiti di ADTEC Jerantut, kerana Tidak Berkilat Seperti Di ADTEC Taiping (27.07.2011)



Gambar 3.11

Lokasi: Bengkel Teknologi Maklumat

(Pengaturcaraan) Dan Mekatronik, ADTEC Taiping
Contoh Lantai Jenis *Epoxy* Yang Berkualiti
(15.06.2011)





5. HAL-HAL LAIN

KRITERIA

Kerja-kerja yang dilaksanakan perlu berkualiti sebelum diserahkan kepada pelanggan.

PENEMUAN AUDIT

- Bumbung surau bocor menyebabkan pihak ADTEC tidak dapat menggunakan kemudahan surau.
- Penetapan arah kiblat yang tidak tepat menyebabkan penggunaan ruang terjejas.
- Keretakan tepi longkang di laluan berbumbung.

SEBAB

- Tiada ulasan diterima daripada Kementerian/JKR

KESAN

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia tidak bersetuju menerima ADTEC Jerantut semasa Majlis Penyerahan ADTEC Jerantut yang telah dijadualkan pada 26 November 2012 kerana kerja-kerja yang tidak berkualiti sedangkan CPC dikeluarkan pada 28 Disember 2011..





4. HAL-HAL LAIN (Samb..)



Gambar 4.1

Bumbung surau bocor menyebabkan pihak ADTEC tidak dapat menggunakan kemudahan surau.





4. HAL-HAL LAIN (Samb..)



Gambar 4.2

Keretakan tepi longkang di laluan berbumbung





SYOR / RUMUSAN AUDIT





SYOR / RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pihak audit mengakui terdapat kelemahan di dalam pengurusan projek ini. Di antara syor audit tersebut adalah:

Memperbaiki kerosakan dan kecacatan dengan segera bagi memastikan keselesaan pengguna.

Memastikan kerja pembinaan yang dilaksanakan siap dalam tempoh yang ditetapkan dan menilai semula keupayaan kontraktor dalam melaksanakan projek tersebut bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan dan mencapai objektif yang ditetapkan.

Memantau dan memberikan pengawasan yang lebih rapi terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor serta perunding bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut spesifikasi dan berkualiti.

JKR hendaklah menyenaraihitamkan kontraktor/perunding yang gagal melaksanakan kerja pembinaan mengikut syarat kontrak.





PROJEK MENAIKTARAF KERETAPI BUKIT BENDERA, PULAU PINANG

(Laporan Ketua Audit Negara 2011)





LATAR BELAKANG PROJEK

- ❖ Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), Kementerian Pelancongan telah merancang untuk menaiktaraf Keretapi Bukit Bendera Bagi menyediakan perkhidmatan keretapi yang cekap, produktif dan berdaya maju sebagai destinasi pelancongan yang menarik.
- ❖ Peruntukan sebanyak RM68.8 juta telah diluluskan dimana RM64.3 juta adalah kos untuk rel dan keretapi termasuk bayaran perunding, manakala baki RM4.5 juta adalah untuk kerja tambahan iaitu kerja pengalihan dan pemasangan kabel baru TNB serta menaiktaraf bangunan di 3 stesen.
- ❖ Jabatan Kerja Raya (JKR) ialah agensi pelaksana projek ini manakala Pengarah II Cawangan Kerja Bangunan Am (CKBA) dilantik sebagai Pegawai Penguasa (PP).





LATAR BELAKANG PROJEK (Samb..)

Perkara	Kontraktor
Nama Kontraktor	Alam Langkawi Sdn. Bhd.
Peruntukan Diluluskan	RM68.8 juta
Nilai Kontrak	RM59.0 juta
Tarikh Milik Tapak	28 Oktober 2009
Tarikh Siap Asal	28 September 2010
Tempoh Kontrak	11 bulan (335 hari)
Jumlah EOT	2 EOT (125 hari)
Tarikh Siap Semasa (CPC)	31 Januari 2011
Kaedah Perolehan	Konvensional Perunding (Tender Terbuka)





OBJEKTIF, SKOP & METODOLOGI AUDIT





OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek Menaiktaraf Keretapi Bukit Bendera, Pulau Pinang telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

SKOP DAN METODOLOGI AUDIT

Semakan telah dibuat terhadap rekod, fail dan dokumen serta menganalisis data-data yang berkaitan dengan projek. Selain itu, lawatan, pemeriksaan dan temubual dengan pegawai berkaitan juga telah dijalankan di lokasi yang terlibat.





PENEMUAN





1. KERJA-KERJA TAMBAHAN DILAKSANAKAN TERLEBIH DAHULU SEBELUM ARAHAN PERUBAHAN KERJA DILULUSKAN

KRITERIA

Arahan Perubahan Kerja (APK) perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa APK terlebih dahulu sebelum sesuatu kerja dilaksanakan.

PENEMUAN AUDIT

Berdasarkan semakan terhadap catatan di Buku Harian Tapak Bina, kerja-kerja tambahan telah dilaksanakan terlebih dahulu bagi 5 daripada 8 APK sebelum APK tersebut diluluskan. Butiran seperti di **Jadual 1**.

SEBAB

- Kerja-kerja perubahan tambahan dilaksanakan atas arahan dan berdasarkan keperluan semasa.
- Pihak kontraktor dan perunding terlalu lama mengumpul maklumat / dokumen berkaitan.

KESAN

Kelemahan di dalam pengurusan APK. PP dan WPP tidak mengulangi kesalahan serupa dan sentiasa berhati-hati dalam menjalankan tugas.





1. KERJA-KERJA TAMBAHAN DILAKSANAKAN TERLEBIH DAHULU SEBELUM ARAHAN PERUBAHAN KERJA DILULUSKAN (Samb..)

Bil.	Ringkasan Kerja	Nilai (RM)	Tarikh Lulus APK	Tarikh Kerja Dilaksana	Tempoh Kerja Dilaksana Tanpa APK (Hari)
1.	Memecah batu <i>granite</i> sedia ada	228,000.00	30.11.2010	22.12.2009	343
2.	Merobohkan dan membina semula kuil Hindu serta merobohkan tembok penahan sedia ada	86,095.00	30.11.2010	13.11.2009	389
3.	Mengeluarkan tanah akibat runtuh dan membina jalan konkrit yang baru di Jalan Warisan berdekatan Stesen Claremont	28,250.00	30.11.2010	16.02.2010	287
4.	Kerja-kerja menaiktaraf pemasangan elektrik sedia ada di stesen bawah, tengah dan atas	91,740.00	30.11.2010	25.09.2010	66
5.	Kerja-kerja pemasangan kabel TNB 'High tension' dan kabel Telekom	2,714,000.00	07.01.2011	20.10.2010	79

Jadual 1.1

Kerja-Kerja Tambahan Dilaksanakan Sebelum APK Diluluskan





SYOR/RUMUSAN AUDIT





SYOR / RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, terdapat kelemahan di dalam pengurusan APK namun kerja-kerja perubahan telah dilaksanakan berdasarkan arahan secara berprinsip.





PROJEK PEMBINAAN PEJABAT METEOROLOGI DAN KUARTERS, GONG KEDAK, TERENGGANU

(Laporan Ketua Audit Negara 2011)





LATAR BELAKANG PROJEK

- ❖ Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) telah merancang projek pembinaan kuarters, stesen dan pejabat serta pembelian peralatan bagi kegunaan JMM. Ini bertujuan untuk meningkatkan serta menambah baik perkhidmatan/kemudahan yang ditawarkan kepada pelanggan dan staf JMM.
- ❖ Untuk itu, Kerajaan Persekutuan di bawah RMKe-9 telah meluluskan siling peruntukan sejumlah RM156 juta bagi 47 projek di mana 30 projek atau 63.8% melibatkan projek fizikal dan selebihnya adalah bagi peralatan. Bagi projek fizikal, ianya adalah bagi membina/menaik taraf kuarters, stesen dan pejabat yang meliputi 12 lokasi di seluruh negara dengan peruntukan berjumlah RM62.35 juta.





LATAR BELAKANG PROJEK (Samb..)

- ❖ Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Kementerian) telah menetapkan agar projek fizikal dilaksanakan secara konvensional dan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai agensi pelaksana.
- ❖ Pegawai Penguasa bagi Projek Pembinaan Meteorologi dan Kuarters Gong Kedak adalah Pengarah JKR Negeri Kelantan manakala Ketua Penolong Pengarah (Unit Tentera) JKR Negeri Kelantan telah dilantik sebagai Wakil Pegawai Penguasa (WPP). *Head of Project Team (HOPT)* bagi projek ini adalah Ketua Penolong Pengarah (Bangunan) JKR Negeri Kelantan.





LATAR BELAKANG PROJEK (Samb..)

Perkara	Kontraktor
Nama Kontraktor	HB Holding Sdn. Bhd.
Peruntukan Diluluskan	RM156 juta (47 projek)
Nilai Kontrak	RM3.39 juta
Tarikh Milik Tapak	1 Disember 2008
Tarikh Siap Asal	29 November 2009
Tempoh Kontrak	24 bulan
Jumlah EOT	2 EOT (225 hari)
Tarikh Siap Semasa (CPC)	14 Julai 2010
Kaedah Perolehan	Konvensional Dalaman (Tender Terbuka)





KEMENTERIAN KERJA RAYA & JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



OBJEKTIF, SKOP & METODOLOGI AUDIT

Jabatan Kerja Raya Malaysia

www.jkr.gov.my



Public Works Department MALAYSIA





OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembinaan kuarters, stesen dan pejabat JMM telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

SKOP DAN METODOLOGI AUDIT

Semakan telah dibuat terhadap rekod, fail dan dokumen serta menganalisis data-data yang berkaitan dengan projek. Selain itu, lawatan, pemeriksaan dan temubual dengan pegawai berkaitan juga telah dijalankan di lokasi yang terlibat.





KEMENTERIAN KERJA RAYA & JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



PENEMUAN

Jabatan Kerja Raya Malaysia

www.jkr.gov.my



Public Works Department MALAYSIA





1. KELEWATAN MENANDATANGANI DOKUMEN KONTRAK

KRITERIA

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setujuterima (SST) dikeluarkan.

PENEMUAN AUDIT

Kontrak bagi projek ini lewat ditandatangani selama 2 bulan iaitu hanya pada 29 Mei 2009 sungguhpun 7 surat peringatan telah dikemukakan kepada kontraktor.





1. KELEWATAN MENANDATANGANI DOKUMEN KONTRAK (Samb..)

SEBAB

- Kelewatan menandatangani dokumen kontrak adalah disebabkan oleh pihak kontraktor mengalami masalah dalaman yang melibatkan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah. Keadaan ini menyebabkan tiada wakil kontraktor yang mempunyai kuasa untuk menandatangani dokumen kontrak tersebut.

KESAN

Dokumen Kontrak yang perlu ditandatangani tidak mengikut tempoh yang ditetapkan dalam tempoh 4 bulan dari SST.





2. KEGAGALAN MENGELUARKAN SURAT KE ARAH PENAMATAN KERJA KONTRAKTOR

KRITERIA

Fasal 51 (b)(i) Syarat-Syarat Kontrak menyatakan PP/WPP perlu mengambil tindakan penamatan kontrak jika kontraktor gagal memulakan kerja dalam tempoh 2 minggu dari tarikh milik tapak.

PENEMUAN AUDIT

Didapati tiada aktiviti langsung di tapak selama tempoh 6 bulan dari tarikh milik tapak. Tiada surat peringatan dikeluarkan oleh PP/WPP bagi memulakan kerja di tapak. Hanya 1 notis Tujuan Penamatan dikeluarkan iaitu setelah 7 bulan daripada tarikh milik tapak.





2. KEGAGALAN MENGELUARKAN SURAT KE ARAH PENAMATAN KERJA KONTRAKTOR (Samb..)

SEBAB

- Kontraktor telah membuat perjanjian sub-kontrak dengan melantik sub-kontraktor Kelkon Sdn. Bhd. iaitu selepas 2 hari menandatangani dokumen kontrak. Bagaimanapun, sub-kontraktor tidak memulakan kerja selepas menandatangani perjanjian tersebut.

KESAN

Surat Penamatan Kerja Kontraktor gagal dikeluarkan disebabkan masalah yang dihadapi. Terdapat kecuaiian dalam pengeluaran notis untuk tujuan penamatan kontraktor sejajar dengan syarat-syarat di dalam SST oleh PP/WPP. Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pegawai-pegawai berkenaan.





3. LEWAT MENGEMUKAKAN PERMOHONAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA (APK)

KRITERIA

Arahan Perbendaharan (AP) 202 memperuntukkan antaranya kelulusan hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa/Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja sebelum sesuatu arahan perubahan kerja dikeluarkan dan tempoh kontrak masih berjalan semasa APK dikeluarkan, kecuali dibenarkan di bawah syarat-syarat kontrak.

PENEMUAN AUDIT

Kesemua 8 APK telah dimohon oleh WPP dan diluluskan oleh Jawatankuasa Perubahan Kerja JKR Kelantan selepas tarikh *CPC* pada 14 Julai 2010. Butiran seperti di **Jadual 3.1**





3. LEWAT MENGEMUKAKAN PERMOHONAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA (APK) (Samb..)

Tarikh Tamat Kontrak	ARAHAN PERUBAHAN KERJA					Nilai Kontrak		APK (%)
	Bil.	Tarikh Surat Arahan	Tarikh Permohonan	Tarikh Lulus	Nilai (RM)	Asal (RM Juta)	Semasa (RM)	
14.07.2010	1	06.05.2009	26.09.2010	18.10.2010	9,344	3.39	3.59	5.9
	2	29.07.2010	22.11.2010	02.12.2010	9,634			
	3	27.05.2010	02.12.2010	13.12.2010	7,154			
	4	27.01.2010	02.12.2010	13.12.2010	39,277			
	5	25.05.2010	13.12.2010	23.12.2010	22,834			
	6	19.05.2010	16.12.2010	23.12.2010	50,327			
	7	26.05.2010	16.12.2010	23.12.2010	57,422			
	8	02.06.2010	16.12.2010	23.12.2010	6,722			

Jadual 3.1

Senarai APK Yang Dipohon / Dilulus Selepas CPC





3. LEWAT MENGEMUKAKAN PERMOHONAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA (APK) (Samb..)

SEBAB

- Kekurangan pertukaran pegawai yang telah menyulitkan butiran dokumen APK berkaitan kerja-kerja tambahan termasuk bebanan kerja yang ditanggung kerana kakitangan Unit Kerja Tentera (UKT) yang bertukar.
- WPP juga bertindak sebagai WPP bagi projek Rangsangan Ekonomi Pertama yang perlu diberi keutamaan dan Projek Penurapan Semula Lapangan Terbang TUDM Gong Kedak.

KESAN

APK telah dipohon dan diluluskan selepas *CPC* dikeluarkan adalah tidak mematuhi AP 202. Kelemahan pengurusan projek dalam pengeluaran APK disebabkan pegawai yang tidak kompeten.





4. GAGAL MENGEMASKINI MAKLUMAT DI DALAM BUKU HARIAN TAPAK

KRITERIA

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (SPP JKR) bertarikh 4 Mei 1988 menetapkan buku harian tapak hendaklah sentiasa dikemaskini dan disimpan dengan baik oleh pegawai yang bertanggungjawab serta catatan yang dibuat hendaklah disemak dan disahkan ketepatannya oleh wakil kontraktor.

PENEMUAN AUDIT

- Lawatan audit ke lokasi projek mendapati Buku Harian Tapak tidak diisi dan dikemaskini.
- Buku Harian Tapak Bil. 1 didapati tidak dikemaskini dengan baik kerana terdapat banyak ruangan tidak diisi dan maklumat kerja yang tidak lengkap.
- Buku Harian Tapak Bil. 2 dimaklumkan telah hilang.





4. GAGAL MENGEMASKINI MAKLUMAT DI DALAM BUKU HARIAN TAPAK (Samb..)

SEBAB

Buku Harian Tapak Bil. 2 dimaklumkan telah hilang semasa proses pembersihan di dalam kabin kontraktor di tapak selepas projek disiapkan.

KESAN

Sukar untuk mengesahkan kemajuan kerja di tapak bina serta memastikan samada penyeliaan di tapak bina telah dilakukan oleh JKR. Buku Harian Tapak mestilah disimpan rapi kerana maklumat dalam rekod tapak bina adalah penting untuk membantu membuat keputusan dalam mentadbir kontrak dan khususnya untuk menilai tuntutan kerugian dan/atau perbelanjaan kontraktor sekiranya ada.





5. GAGAL MEMASTIKAN KESESUAIAN DAN FUNGSI PINTU STOR

KRITERIA

Mengikut syarat kontrak, semua kerja perlu mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam spesifikasi, kelulusan daripada Pegawai Penguasa Projek perlu diperoleh terlebih dahulu.

PENEMUAN AUDIT

Ketinggian pintu stor di bawah tangga di bilik pejabat adalah 1500 mm iaitu 600 mm lebih rendah daripada pintu biasa yang bersaiz 2100 mm tinggi.





5. GAGAL MEMASTIKAN KESESUAIAN DAN FUNGSI PINTU STOR (Samb..)



Gambar 5.1

Ketinggian pintu stor di bawah tangga di bilik pejabat adalah 1500 mm iaitu 600 mm lebih rendah daripada pintu biasa yang bersaiz 2100 mm tinggi yang akan menyukarkan pekerja untuk masuk dan keluar dari bilik tersebut sedangkan sepatutnya pintu tersebut boleh dibina mengikut saiz biasa.





5. GAGAL MEMASTIKAN KESESUAIAN DAN FUNGSI PINTU STOR (Samb..)

SEBAB

Pihak kontraktor telah membina mengikut lukisan namun pihak pengurusan projek didapati tidak peka terhadap kesesuaian dan fungsi rekabentuk di dalam lukisan pembinaan.

KESAN

Menyukarkan pekerja stor untuk masuk dan keluar dari bilik tersebut sedangkan sepatutnya pintu tersebut boleh dibina mengikut saiz biasa (2100 mm x 950 mm)





SYOR / RUMUSAN AUDIT





SYOR / RUMUSAN AUDIT

Terdapat kecuaian dalam pengeluaran notis untuk tujuan penamatan kerja kontraktor sejajar dengan syarat-syarat dalam SST oleh PP dan WPP.

Terdapat kelemahan dalam pengurusan projek terutama dalam pengurusan APK, bayaran kepada kontraktor dan Buku Harian Tapak.

Bagi mengatasi kelemahan dalam memastikan kesesuaian atau fungsi rekabentuk, seperti rekabentuk pintu stor, pihak pengurusan projek sepatutnya lebih peka bagi memastikan semasa pembinaan, rekabentuk adalah bersesuaian dan berfungsi.





PROJEK PEMBINAAN PEJABAT DAN KUARTERS METEOROLOGI , KUALA KRAI, KELANTAN

(Laporan Ketua Audit Negara 2011)





LATAR BELAKANG PROJEK

- ❖ Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) telah merancang projek pembinaan kuarters, stesen dan pejabat serta pembelian peralatan bagi kegunaan JMM. Ini bertujuan untuk meningkatkan serta menambah baik perkhidmatan/kemudahan yang ditawarkan kepada pelanggan dan staf JMM.
- ❖ Untuk itu, Kerajaan Persekutuan di bawah RMKe-9 telah meluluskan siling peruntukan sejumlah RM156 juta bagi 47 projek di mana 30 projek atau 63.8% melibatkan projek fizikal dan selebihnya adalah bagi peralatan. Bagi projek fizikal, ianya adalah bagi membina/menaik taraf kuarters, stesen dan pejabat yang meliputi 12 lokasi di seluruh negara dengan peruntukan berjumlah RM62.35 juta.





LATAR BELAKANG PROJEK (Samb..)

- ❖ Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Kementerian) telah menetapkan agar projek fizikal dilaksanakan secara konvensional dan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai agensi pelaksana.
- ❖ Pegawai Penguasa bagi Projek ini adalah Pengarah JKR Negeri Kelantan, Ibu Pejabat JKR Kelantan dan Wakil Pegawai Penguasa (WPP) ialah Jurutera Jajahan (JJ) Kuala Krai. HOPT ialah Bahagian Bangunan, JKR Kelantan.
- ❖ Satu jawatankuasa Siasatan (JK Siasatan) telah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya untuk menjalankan siasatan berkaitan dengan isu-isu yang telah dibangkitkan.





LATAR BELAKANG PROJEK (Samb..)

Perkara	Kontraktor
Nama Kontraktor	Aneka Wangsa Sdn. Bhd.
Peruntukan Diluluskan	RM156 juta (47 projek)
Nilai Kontrak	RM3,065,470
Tarikh Milik Tapak	11 Ogos 2008
Tarikh Siap Asal	10 Ogos 2009
Tempoh Kontrak	12 bulan
Jumlah EOT	1 EOT (120 hari)
Tarikh Siap Semasa (CPC)	8 Disember 2009
Kaedah Perolehan	Konvensional Dalaman (Tender terbuka)





OBJEKTIF, SKOP & METODOLOGI AUDIT





OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembinaan kuarters, stesen dan pejabat JMM telah diurus dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

SKOP DAN METODOLOGI AUDIT

Semakan telah dibuat terhadap rekod, fail dan dokumen serta menganalisis data-data yang berkaitan dengan projek. Selain itu, lawatan, pemeriksaan dan temubual dengan pegawai berkaitan juga telah dijalankan di lokasi yang terlibat.





PENEMUAN





1. MENGESAHKAN KERJA ELEKTRIK SIAP

KRITERIA

Selaras dengan syarat kontrak, kontraktor hendaklah mengemukakan notis bertulis yang menyatakan bahawa kerja di tapak telah disiapkan dengan sempurna kepada PP. PP hendaklah dalam masa 14 hari mengadakan pemeriksaan bersama dengan kontraktor sebelum memperakukannya.

PENEMUAN AUDIT

- Kontraktor telah menghantar notis pemberitahuan siap kerja pada 30 Disember 2009. Namun, didapati PP/WPP telah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja (*CPC*) pada 5 Januari 2010 dan memperakukan tarikh siap kerja pada 23 Disember 2009. Tetapi pada 23 Mac 2010 status peratusan kerja elektrik masih 67% sedangkan *CPC* telah dikeluarkan oleh PP/WPP pada tarikh 23 Disember 2009.
- Berdasarkan syor bayaran kemajuan WPP (Elektrik) skop kerja elektrik merupakan sebahagian daripada skop kerja dalam kontrak.





1. MENGESAHKAN KERJA ELEKTRIK SIAP (Samb..)

SEBAB

Kelemahan pemantauan dan pelaksanaan projek di tapak bina oleh PP/WPP.

KESAN

Tarikh sebenar penyiapan oleh NSC elektrik bagi membuat kiraan *LAD* yang sepatutnya dikenakan ke atas kontraktor utama tidak dapat disahkan. Oleh itu, kerugian kerajaan tidak dapat ditentukan





SYOR/RUMUSAN AUDIT





SYOR / RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, terdapat kecuaiian di dalam pengesahan penyiapan kerja-kerja elektrik dan pengeluaran *CPC* bagi projek ini oleh PP/WPP. Di antara tindakan penambahbaikan yang disyorkan adalah:

Kerja-kerja penyeliaan sesuatu projek hendaklah dilaksanakan oleh pegawai yang berpengalaman dan kompeten.

Pengalaman dan kompetensi pegawai yang menyelia kerja di tapak hendaklah bersesuaian dengan saiz dan kompleksiti projek berkenaan.

Tahap pengetahuan dalam pentadbiran kontrak hendaklah ditingkatkan dengan mengadakan lebih banyak latihan dan pendedahan praktikal.

JKR hendaklah memantau dan menyelia kemajuan kontraktor dan memastikan kerja yang dilakukan kontraktor sesuai/lengkap, mengikut spesifikasi dan berkualiti.





**SEKIAN,
TERIMA KASIH**

